

TRIDIN-P SYRUP

Triprolidine Hydrochloride / Pseudoephedrine Hydrochloride (1.25mg/30mg dalam setiap 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tridin-P Syrup
2. Bagaimana Tridin-P Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tridin-P Syrup
4. Cara menggunakan Tridin-P Syrup
5. Semasa menggunakan Tridin-P Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tridin-P Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tridin-P Syrup

Ia digunakan untuk melegakan sumbatan bahagian nasofarinks (bahagian atas kerongkong dan belakang hidung) dan otik (bahagian yang berhubung kerongkong dengan telinga). Ia boleh digunakan untuk rawatan simptomatik untuk penyakit alergik *rhinitis* bermusim atau *perennial* (simptom wujud sepanjang tahun) dan *rhinitis* bukan alergik (keradangan pada membran dalam hidung).

Bagaimana Tridin-P Syrup berfungsi

Pseudoephedrine hydrochloride dan triprolidine hydrochloride adalah kandungan aktif Tridin-P Syrup. Triprolidine adalah sejenis antihistamin yang boleh bertindak dengan lama, berfungsi dengan menghalang kesan histamin, bahan kimia semula jadi di dalam badan. Ini akan menghasilkan kesan pelegaan secara simptomatik dalam keadaan alergik, akibat daripada pelepasan histamin.

Pseudoephedrine boleh mengecutkan membran mukosa hidung yang Bengkak, mengurangkan hiperemia tisu (darah berlebihan dalam anggota badan), *edema* (pembengkakan tisu lembut akibat pengumpulan cecair

yang berlebihan) dan saluran hidung yang sumbat dan melancarkan saluran hidung untuk pernafasan.

Sebelum menggunakan Tridin-P Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif terhadap triprolidine, atau pseudoephedrine dan bahan-bahan lain dalam sirap.
- Jika anda alergik kepada ubat antihistamin yang lain atau ubat simpatomimetik.
- Jika anda sedang mengandung atau menyusu bayi.
- Jika anda mengambil ubat perencat monoamine oxidase (MAO). Ubat ini tidak harus diambil semasa atau dalam 14 hari berikutan pengambilan ubat perencat MAO.
- Jika anda mempunyai penyakit darah tinggi, kelenjar tiroid yang hiperaktif, penyakit jantung iskemik (pengurangan bekalan darah kepada jantung) atau penyakit cerebrovaskular (penyakit yang boleh menjelaskan pengaliran darah ke otak).
- Kanak-kanak di bawah 2 tahun.
- Bayi baru lahir atau bayi pra-matang.

- Sebelum menggunakan Tridin-P Syrup

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- Anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau menyusu.

- Anda mempunyai penyakit *closed-angle glaucoma* (peningkatan tekanan dalam mata), pembesaran kelenjar prostat, kencing manis, sawan, *stenosing peptic ulcer* (ulser pada permukaan saluran penceraaan) dan halangan usus (halangan yang lengkap atau separa pada usus).

- Jika mengambil ubat-ubat lain Ubat-ubat berikutnya mungkin berinteraksi dengan Tridin-P Syrup:

- Alkohol, atau depresan sistem saraf pusat atau ubat anti-kemurungan jenis tricyclic – penggunaan bersama mungkin meningkatkan kesan sedatif.
- Agen-agen penghalang beta-adrenergik – penggunaan bersama mungkin meningkatkan kesan *pressor* (meningkatkan tekanan darah) dari pseudoephedrine.
- Digitalis glycosides – penggunaan bersama akan meningkatkan peluang untuk mendapat penyakit aritmia jantung (ritma denyutan jantung yang tak tetap).
- Guanethidin, Mecamylamine, Methyldopa, Reserpine atau alkaloid Veratrum – kesan hipotensi (tekanan darah rendah) mungkin diturunkan.
- Perencat Monoamine Oxidase (MAO) – penggunaan bersama akan meningkatkan kesan *pressor* dari pseudoephedrine, mungkin akan

mengakibatkan situasi krisis hipertensi (situasi di mana tekanan darah sangat tinggi).

- Agen simpatomimetik lain – penggunaan bersama mungkin akan meningkatkan kesan salah satu ubat dan juga kesan sampingannya.

Sentiasa beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Tridin-P Syrup

Sentiasa mengambil ubat ini seperti mana yang diberitahu oleh doktor. Anda patut merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

- **Berapa banyak harus digunakan Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:**
10ml sirap tiga atau empat kali sehari bila perlu; tidak melebihi 40ml sirap sehari.

Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun:

6-12 tahun: 5ml sirap tiga atau empat kali sehari bila perlu; tidak melebihi 20ml sirap sehari.

4-6 tahun: 3.75ml sirap tiga atau empat kali sehari bila perlu; tidak melebihi 15ml sirap sehari.

2-4 tahun: 2.5ml sirap tiga atau empat kali sehari bila perlu; tidak melebihi 10ml sirap sehari.

Tidak sesuai untuk digunakan oleh kanak-kanak bawah 2 tahun.

Ubat ini harus digunakan dengan cermat dan di bawah saranan doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak antara 2 – 6 tahun.

- **Bila perlu digunakan**
Doktor anda akan menentukan bila anda sesuai untuk menggunakan ubat ini. Ubat ini boleh diambil bersama makanan atau dengan susu untuk mengurangkan iritasi gastrik. Untuk mengurangkan kemungkinan sukar tidur akibat kesan pseudoephedrine, dos terakhir bagi setiap hari harus diambil beberapa jam sebelum waktu tidur. Jangan ambil ubat ini melebihi dos harian yang disyorkan.

- **Berapa lama perlu digunakan**
Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- **Jika terlupa menggunakan**
 - Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat
 - Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang tertinggal.
 - Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**
Simptom-simptom termasuk mengantuk, tekanan darah rendah, kelemahan otot dan bergetar, pergerakan tidak selaras, sakit kepala, berkhayal, rasa hati berdebar, sukar untuk kencing, kegelisahan, konvulsi (kekejangan otot yang tidak dapat dikawal), tekanan darah tinggi, peningkatan kadar denyutan jantung.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Tridin-P Syrup

- **Perkara yang perlu dilakukan**
Hubungi doktor anda jika simptom-simptom telah mlarat atau keadaan anda tidak bertambah pulih.
Hubungi doktor anda sekiranya anda hamil semasa menggunakan Tridin-P Syrup.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**
Dilarang sama sekali untuk memberi Tridin-P Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom yang sama dengan penyakit anda. Doktor anda telah mempresrib ubat ini untuk anda sahaja.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**
Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk, pening atau kurang peka. Elak mengambil sirap ini jika anda perlu mengendalikan sebarang jentera atau memandu kenderaan.

Elak mengambil sirap ini bersama ubat-ubatan yang mengandungi pseudoephedrine hydrochloride atau triprolidine hydrochloride. Elak daripada pengambilan alkohol.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Tridin-P Syrup mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan-sesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

- Rasa mengantuk dan mulut rasa kering, sukar untuk tidur mungkin akan berlaku.
- Rasa sukar untuk kencing, sakit kepala, hilang selera makan,

loya atau muntah, kegelisahan, kelemahan yang datang dengan tiba-tiba, peningkatan kadar denyutan atau debaran jantung yang tiba-tiba, sakit perut dan ruam kulit mungkin berlaku.

- Dalam dos yang tinggi: berkhalayal, rasa hati berdebar, tekanan darah tinggi, kadar denyutan jantung yang tinggi dan konvulsi mungkin berlaku.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public→Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan Tridin-P Syrup

- Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Lindungi daripada cahaya, kepanasan dan pembekuan.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara

pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**
Sirap ini berwarna kuning muda dengan perisa lemon dan berasa manis.
Ia dibekalkan dalam botol plastik 60ml.
- **Bahan-bahan kandungan**
 - Bahan aktif
Setiap 5ml mengandungi 30mg pseudoephedrine hydrochloride dan 1.25mg triprolidine hydrochloride.
 - Bahan tidak aktif
Bahan-bahan kandungan lain termasuk lemon essence, methylparaben, propylparaben, propylene glycol, quinoline yellow dan sucrose suspension grade.
- **Nombor MAL**
MAL19900412AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

12/04/2017

Nombor siri:

BPFK(R4/1)040417/00051